

Globalisasi harus dilihat semula elak pembuangan pekerja

UM - 4 JUN 2002

KUALA LUMPUR 3 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, globalisasi harus dilihat semula bagi mengelakkannya menjadi penyebab kepada pembuangan pekerja secara besar-besaran di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, dunia globalisasi yang bebas mungkin menyumbang kepada kecekapan dan pengurangan kos tetapi ia mungkin diperolehi dari pengurangan tenaga kerja.

“Menjadi sebuah organisasi yang besar mungkin menyumbang kepada kecekapan serta pengurangan kos, tetapi penjimatan itu diperolehi dari pengurangan tenaga kerja dan akhirnya pembuangan ramai pekerja.

“Kita dengan itu perlu memikirkan secara cermat mengenai interpretasi globalisasi semasa (kerana) kita tidak mahu berlaku pembuangan pekerja secara besar-besaran dalam dunia syarikat-syarikat gergasi yang global,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian Persidangan Serantau Pertama Rangkaian Kesatuan Antarabangsa (UNI), Pertubuhan Rantau Asia Pasifik (APRO) di Hotel Istana di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, dunia perlu memastikan globalisasi dapat dijadikan

sesuatu yang lebih saksama dari segi pengagihan kekayaan antara semua pihak.

“Apa yang penting ialah pengagihan itu tidak dibuat dengan mengambil dari satu pihak untuk memberi kepada satu pihak lain, bukan melalui revolusi ganas dan memiskinkan mereka yang kaya dalam mencapai kesaksamaan atau untuk memiskinkan lagi mereka yang sudahpun miskin,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, kekayaan harus diagihkan semula dengan melaksanakan keadilan dan kesamarataan melalui perbincangan dengan semua orang diberikan hak secukupnya.

“Mereka yang banyak bercakap mengenai demokrasi di dalam negara dan sedia menghukum sesiapa yang gagal bersikap demokratik sepatutnya turut menerima demokrasi antara negara,” kata beliau.

Berikutan itu, kata Perdana Menteri, UNI mesti membantu dalam mentafsirkan semula globalisasi supaya ketidakadilan antara pelbagai kelas dan negara digantikan oleh sistem yang akan memastikan kesaksamaan bagi semua.

Lebih kurang 500 perwakilan mewakili dua juta anggota di rantau Asia-Pasifik menghadiri persidangan tiga hari itu yang

bertemakan “Pekerjaan dan Keadilan Dalam Dunia Global”.

UNI dilancarkan pada 1 Januari 2000 melalui gabungan empat badan kesatuan sekerja global.

Dengan lebih kurang 15 juta anggota di seluruh dunia, UNI berhasrat menawarkan anggota-anggota kesatuan satu-suara yang lebih berkesan dalam berurusan dengan perbadanan multinasional, kerajaan dan institusi antarabangsa.

Perdana Menteri turut mengingatkan kesatuan sekerja supaya tidak mabuk kuasa sehingga tidak memikirkan dengan mendalam untuk menggunakan kuasa mereka bagi mendesak gaji lebih tinggi tanpa menghiraukan peningkatan kos.

Selain daripada menyumbangkan ke arah kos barangan yang lebih tinggi, perbuatan mendesak upah lebih tinggi bagi kerja yang dilakukan akan membawa kepada kos kehidupan yang lebih tinggi yang seterusnya menjejaskan kuasa membeli.

“Tidak ada maknanya gaji yang lebih tinggi tanpa kuasa membeli yang lebih tinggi,” kata Perdana Menteri.